



DR MAHATHIR menerima cenderahati berupa plak nama pelajar Malaysia di Korea daripada Zamri pada majlis malam penghargaan Bapa Dasar Pandang ke Timur di Cyberjaya, semalam. - Gambar oleh Ramdzan Masiam

## Dr M syor wujud IPT Jepun, Korea

CYBERJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencajkan penubuhan universiti milik Kerajaan Jepun dan Korea Selatan di negara ini bagi membolehkan lebih ramai pelajar termasuk dari negara lain memperoleh kemahiran dalam pelbagai bidang, selain mengurangkan kos pengajian.

Beliau berkata, kedua-dua kerajaan juga boleh mendapat keuntungan kerana pelajar yang mengikuti pengajian di universiti berkenaan akan setia kepada negara yang memberi ilmu kepada mereka.

Katanya, kerajaan berhasrat menambah bilangan pelajar yang dihantar mengikuti pengajian di negara berkenaan tetapi kemampuan mereka terhad.

"Oleh itu, mereka perlu menubuhkan universiti di negara ini," katanya

berucap pada Majlis Malam Penghargaan Dasar Pandang Ke Timur anjuran Persatuan Alumni Graduan Institusi Korea (Agiko) di sini, malam tadi.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menerima plak daripada Presiden Agiko, Zamri Abbas yang mengandungi nama lebih 500 pelajar Malaysia yang menamatkan pengajian di Korea Selatan. Hadir sama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis berkenaan diadakan sebagai menghargai jasa Dr Mahathir yang juga pengasas kepada Dasar Pandang Ke Timur yang dimulakan pada 8 Februari 1982.

Dr Mahathir membuat cadangan penubuhan universiti itu sebagai maklum balas terhadap cadangan Agiko yang mencadangkan supaya ditubuhkan Institut Teknikal Malaysia-Korea.

Ia bakal menjadi simbol persahabatan antara Malaysia dan Korea dan berperanan mengimbangi antara keperluan tenaga kerja mahir dan penyebaran nilai positif rakyat Korea seperti berdisiplin dan menepati masa.

Ia juga akan menjadi pemangkin dengan memindahkan kepakaran teknologi dari Korea untuk manfaat masyarakat tempatan.

Mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Dr Mahathir berkata, kerajaan memperkenalkannya kerana mahu menepati nilai positif dan etika kerja rakyat negara berkenaan yang terbukti membawa kejayaan kepada negara masing-masing.

Malah, katanya, rakyat kedua-dua negara berkenaan juga mampu mengatasi kejayaan yang dicapai negara barat.